

20 APR 2000

MAHATHIR-PERTANIAN/I

MAHATHIR AKAN BERI PANDANGAN MENGENAI PULIHKAN SEKTOR PERTANIAN

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberikan tanggapan mendalam yang berharga mengenai bagaimana mengubah pertanian menjadi salah satu enjin pertumbuhan Malaysia Isnin depan.

Beliau dijangka mengumumkan wawasannya mengenai perkara itu pada seminar sehari di sini mengenai "Peluang-peluang Pelaburan dalam Sektor Pertanian," yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucap-tama bertajuk "Wasasan Baru Mengenai Pertanian" pada seminar itu, acara kemuncak yang julung-julung kali diadakan oleh kementerian itu.

Menteri Pertanian Datuk Dr Effendi Norwawi berkata Dr Mahathir akan memberi isyarat yang lantang dan jelas mengenai wawasan beliau akan datang bagi negara ini, di mana pertanian akan diubah menjadi salah satu pemacu ekonomi pengetahuan (k-ekonomi).

September lepas, perdana menteri berkata wawasan beliau akan datang selepas projek Koridor Raya Multimedia ialah dalam membangunkan sektor pertanian negara dan menukar Malaysia menjadi pengeluar makanan.

"Saya fikir beliau juga akan mengesahkan bahawa kerajaan akan memberikan sokongan sepenuhnya bagi sektor ini," kata Effendi yang tidak mengumumkan apa jenis galakan-galakan dalam pemikiran Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau membayangkan bahawa pakej galakan-galakan itu akan mencerminkan galakan yang ditawarkan kepada sektor pembuatan apabila kerajaan melaksanakan penggalakan aktiviti perindustrian.

"Kita melihat semua sudut untuk menampilkan kerangka yang terbaik yang akan menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam sektor ini," beliau memberitahu Bernama dalam satu wawancara.

Sektor pertanian telah tercicir dalam tahun-tahun kebelakangan setelah Malaysia mengutamakan tumpuannya kepada sektor perindustrian. Akibatnya, Malaysia terpaksa membelanjakan RM11 bilion hingga RM12 bilion setiap tahun ke atas import makanan.

Effendi berkata di bawah Dasar Pertanian Negara ketiga (1998-2010), kerajaan akan berusaha menukar sektor pertanian menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif yang akan didorong sektor swasta, teknologi dan pasaran.

Pada seminar itu kelak, sektor swasta akan diberi taklimat mengenai bagaimana kerajaan akan menyokong mereka menjadikan dasar itu satu kejayaan.

"Ia akan merupakan satu hari apabila kita menunjukkan kepada mereka bahawa sektor pertanian adalah satu pelaburan yang berdaya maju. Kita akan menunjukkan bidang-bidang pelaburan berpotensi seperti perikanan, hortikultur, ternakan haiwan, herba dan bioteknologi.

"Kementerian akan memberi ikrar sokongannya daripada segi teknikal, penyelidikan dan pengembangan, pengeluaran dan pemasaran. Kami juga akan membincangkan galakan-galakan seperti pakej kewangan bagi pelaburan di dalam sektor ini," katanya.

Di samping itu, kira-kira 400 peserta pada seminar berkenaan, yang terdiri daripada ketua-ketua industri dan juga pelabur-pelabur asing dan tempatan, akan dimaklumkan mengenai teknologi yang boleh didapati di Malaysia supaya mereka tidak perlu bermula daripada tahap paling rendah.

Effendi berkata pakar-pakar antarabangsa dan Malaysia dalam pelbagai bidang pertanian akan berceramah pada seminar itu. Mereka termasuk Dr

Robert Lee, seorang pakar bioteknologi daripada Institut Teknologi Massachusetts.

Lee, yang merupakan pakar dalam bioteknologi dan industri farmaseutikal dan ubat-ubatan, akan membincangkan potensi industri-industri seumpamanya.

Sungguhpun industri-industri itu mempunyai tempoh kandungan yang lama di antara lima hingga 10 tahun, EfFendi berkata ia akan memberikan "pulangan yang amat berkesan" kepada ekonomi kerana ia menjana perniagaan beribu-ribu juta ringgit.

-- BERNAMA

AD SHY OS